

Penyampai : Y. BHG. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN, KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
Tajuk : TEKS UCAPAN Y. BHG. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
SEMPENA MAJLIS TINTA KENCANA 2004  
Lokasi : HOTEL NIKKO, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 09-12-2004

Teks Ucapan

Y. Bhg. Tan Sri Samsudin Osman

Ketua Setiausaha Negara

Sempena Majlis Tinta Kencana 2004

9 Disember 2004, 2.30 Petang

Hotel Nikko, Kuala Lumpur

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Y. Bhg. Tan Sri Kamarul Ariffin Mohamed Yassin,

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka

Y. Bhg. Tuan Haji Abu Bakar Mohamad

Timbalan Ketua Pengarah Dewan Bahasa

dan Pustaka

Ahli-Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka

Y. Bhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato-Dato, Datin-Datin,

Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian,

serta tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin Nya dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis pada petang ini. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana mengundang saya untuk menyempurnakan majlis pada petang ini. Sempena dengan bulan Syawal yang mulia ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada muslimin dan muslimat yang ada pada hari ini.

2. Bagi pihak kerajaan Malaysia, saya mengalu-alukan usaha yang dilakukan oleh DBP untuk membina, memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu. Kegiatan mengasah bakat dan kemahiran untuk mengungkapkan buah fikiran dalam wacana yang tersusun dan terarah bagi kumpulan pelajar dan kakitangan sektor awam ini, merupakan contoh kegiatan ke arah mengembangkan bahasa kebangsaan yang sentiasa mendapat sokongan daripada pihak kerajaan. Begitu juga, usaha yang dilakukan oleh DBP untuk mengiktiraf Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun yang menggunakan bahasa Melayu yang berkualiti dalam dokumen-dokumen bertulis dan di tempat-tempat awam, sewajarnya mendapat perhatian daripada semua pihak.

3. Bakat dan kemahiran menulis, serta usaha yang dilakukan oleh badan-badan dan institusi di Malaysia untuk meningkatkan kualiti bahasa Melayu yang digunakan oleh mereka, kini dinilai, diiktiraf dan diberikan penghargaan. Pengiktirafan dan penghargaan ini diberikan sebagai dorongan dan galakan, bukan sahaja bagi individu dan institusi yang berkenaan, malah bagi badan dan institusi lain juga untuk terus meningkatkan penggunaan bahasa kebangsaan yang berkualiti dalam bidang dan urusan masing-masing.

4. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, baik yang menyokong mahupun yang ikut serta dalam kegiatan yang dianjurkan oleh DBP ini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima hadiah dan anugerah yang kita raikan pada petang ini. Moga-moga setiap pihak akan meneruskan tekad dan usaha untuk memperoleh pengiktirafan yang lebih tinggi pada tahun-tahun yang akan datang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Sebelum saya meneruskan ucapan, sukacita saya menjelaskan di sini bahawa demi perpaduan kaum dan integrasi masyarakat di Malaysia yang telah menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Kerajaan telah membuat keputusan menggunakan istilah bahasa Malaysia untuk merujuk kepada bahasa kebangsaan, dan bukannya istilah bahasa Melayu, dalam bidang penyiaran dan urusan pentadbiran. Walaupun demikian pada majlis ini yang bertujuan memartabatkan bahasa Melayu yang merupakan bahasa rasmi negara kita, Malaysia, saya akan menggunakan istilah bahasa Melayu dalam ucapan saya.

6. Kita semua sedia maklum bahawa apabila negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, maka termaktublah dalam Perlembagaan Persekutuan (Perkara 152), bahawa bahasa kebangsaan negara kita ialah bahasa Melayu. Semenjak itu jugalah bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi bagi negara kita, Malaysia. Hal ini membawa erti bahawa bahasa inilah yang menjadi wahana bagi semua urusan rasmi, baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

7. Apabila bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan, secara langsung bahasa ini menjadi milik bersama seluruh warga Malaysia. Hal ini pula bermakna bahasa inilah yang sewajarnya digunakan oleh seluruh warga Malaysia untuk berkomunikasi dalam urusan seharian. Bahasa Melayu, sebagai bahasa peribumi, telah diterima sebagai bahasa perpaduan - satu unsur penyatupaduan rakyat Malaysia yang amat penting. Justeru, semua lapisan perlu memahirkan diri untuk menggunakan bahasa ini dengan cekap dan berkesan.

8. Kita tidak menafikan bahawa bahasa Melayu, sebagai bahasa rasmi negara, telah digunakan dengan meluasnya dalam semua urusan rasmi, khususnya di sektor awam. Hal ini terbukti daripada dokumen, peraturan, dan pekeliling yang dikeluarkan oleh pelbagai kementerian dan jabatan, yang hampir kesemuanya dalam bahasa kebangsaan. Namun demikian, satu hal yang perlu kita berikan perhatian adalah kualiti bahasa yang digunakan di sektor ini. Sebahagiannya, masih agak rendah kualitinya dan rancu sifatnya, yakni tidak mantap dari segi struktur dan bercampur aduk pula dengan bahasa pasar atau bahasa asing. Kita juga tidak menafikan banyaknya kakitangan sektor awam yang sudah menguasai bahasa Melayu dengan baik. Namun masih banyak lagi yang perlu mempamerkan keterampilan, demi komunikasi yang berkesan yakni, yang mampu menggunakan bahasa yang mematuhi semua aspek tatabahasa dan sebutan, hingga difahami dengan jelas oleh orang yang membaca atau mendengarnya. Bahasa yang rancu (atau yang disebut bahasa rojak) sering tidak difahami, kabur, dan kurang kesantunannya.

9. Begitu juga dengan bahasa yang digunakan di tempat awam. Penggunaan bahasa yang betul dan indah perlu dimantapkan, dan bahasa Melayu mestilah diutamakan demi memartabatkan bahasa kebangsaan. Bagi memastikan semua pihak yang berkenaan menggunakan bahasa yang betul dan indah serta berkualiti di tempat awam, saya menyeru agar PBT menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti yang termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976. Sesungguhnya, bahasa yang dipaparkan di tempat-tempat awam seperti pada papan tanda dan iklan serta premis perniagaan memancarkan citra dan jati diri Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

10. Sebenarnya, bahasa Melayu sudah menjadi bahasa moden, bahasa pentadbiran dan bahasa ilmu yang cekap, setanding dengan bahasa-bahasa besar yang lain, termasuk bahasa Inggeris. Kecekapan dan kemampuan bahasa kita sudah terbukti dengan lahirnya pakar pelbagai bidang yang terdidik dalam bahasa kebangsaan, dan wujudnya golongan bijak pandai yang mampu mengendalikan pelbagai urusan termasuk pentadbiran negara, dalam bahasa Melayu.

11. Bahasa Melayu juga terus-menerus diperkasa dari segi prasarana. Kita dapat melihat banyaknya kosa kata dan istilah yang telah dihimpun untuk pelbagai bidang ilmu dan kehidupan, termasuk bidang pentadbiran, sains dan teknologi, ekonomi dan politik. Saya menyanjung usaha yang dilakukan oleh DBP dalam menghasilkan himpunan kosa kata dan istilah, yang telah pun diterbitkan dalam pelbagai kamus dan daftar istilah, untuk membantu khalayak menggunakan bahasa Melayu dengan cekap dan berkesan dalam urusan rasmi.

12. Justeru, saya ingin menarik perhatian kakitangan sektor awam agar tidak menggunakan bahasa yang rancu, terutamanya dalam komunikasi lisan. Penggunaan bahasa rojak menjejaskan citra bahasa Melayu dan mengesahkan tanggapan bahawa bahasa Melayu hanya layak menjadi bahasa pasar sahaja. Sedangkan, hakikatnya bukanlah sedemikian. Bahasa Melayu sudah mampu menjadi bahasa ilmu tinggi dan bahasa sains dan teknologi. Sebagai kakitangan awam, kita patut menjadi contoh dari segi penggunaan bahasa, lebih-lebih lagi dalam komunikasi rasmi. Sektor awam sepatutnya menunjukkan penggunaan bahasa Melayu yang berkualiti dan berkesan, serta menjadi model yang boleh diturut oleh pihak-pihak lain, khususnya sektor swasta.

13. Saya difahamkan, untuk memacu kegiatan pengembangan bahasa, DBP telah melatih sekumpulan guru dan pensyarah yang digelar Munsyi Dewan. Saya juga dimaklumkan bahawa sejak tahun 1998, DBP telah melatih seramai 1920 orang pegawai dari pelbagai sektor dalam perkhidmatan awam untuk menjadi Pegawai Bahasa, yang bertugas membantu DBP memastikan penggunaan bahasa Melayu yang berkualiti di jabatan masing-masing. Saya berharap usaha ini diteruskan demi meningkatkan kualiti bahasa Melayu di jabatan kerajaan. Jabatan-jabatan yang berkenaan diminta memberikan perhatian, dan mengiktiraf pegawai-pegawai Bahasa yang telah dilantik ini, serta memanfaatkan kemahiran mereka.

14. Berhubung dengan hal ini, saya menyeru agar semua jabatan kerajaan memberikan perhatian khusus dalam usaha mewujudkan dan meningkatkan jumlah Pegawai Bahasa atau Munsyi di jabatan masing-masing. Dengan adanya mereka, diharapkan urusan yang berkaitan dengan perhubungan dapat dijalankan dalam bahasa Melayu yang baik dan berkesan. Begitu juga tindakan-tindakan yang berkaitan dengan hal-hal kebahasaan akan dapat diselesaikan dengan lebih cepat, contohnya urusan kelulusan penamaan tempat dan premis, juga pemasangan papan tanda dan iklan. Saya, bagi pihak kerajaan berharap dengan adanya program seumpama ini, rasa kecintaan terhadap bahasa kebangsaan sebagai wadah penyatuan warga Malaysia akan terus bersemarak dalam jiwa setiap warga Malaysia.

15. Akhir kata, sekali lagi tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang anugerah dan peraduan yang diraikan pada hari ini. Kepada yang tidak berjaya, jangan berputus asa - cuba lagi, Insya Allah akan beroleh kejayaan pada suatu hari nanti. Syabas kepada pihak DBP selaku penganjur majlis seumpama ini. Semoga usaha-usaha yang dijalankan akan dapat memartabatkan lagi bahasa Melayu di peringkat kebangsaan dan juga di arena antarabangsa.

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.